

Abdul Rahman dilantik Naib Canselor USM yang baharu

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR | 3 Januari 2023, 2:25 pm



Prof. Datuk Dr. Abdul Rahman

PUTRAJAYA – Prof. Datuk Dr. Abdul Rahman Mohamed dilantik sebagai Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM) berkuat kuasa mulai hari ini.

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menerusi kenyataan akhbar berkata, Abdul Rahman sebelum ini adalah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) sejak Mei 2018.

Menurutnya, Abdul Rahman berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kejuruteraan Kimia dari University of Southern California, California, Amerika Syarikat.

“Beliau turut melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Sains dan Ijazah Kedoktoran dalam bidang yang sama di University of New Hampshire, New Hampshire, Amerika Syarikat.

“Abdul Rahman sebelum ini pernah menyandang jawatan Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) USM dari 1 Mei 2016 hingga 30 April 2018.

“Selain memiliki pengalaman pentadbiran yang sangat luas, Abdul Rahman juga seorang penyelidik disegani terutama dalam bidang Applied Sciences and Technologies di dalam mahupun di luar negara,” katanya.

Katanya, pelantikan Abdul Rahman diharap dapat memperkukuhkan lagi sektor pendidikan tinggi negara, seterusnya membina masa depan negara yang lebih mampan dan sejahtera berpaksikan kecemerlangan.

Dalam pada itu, KPT turut mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Prof. Datuk Dr. Faisal Rafiq Mahamd Adikan atas jasa bakti beliau menerajui USM sebelum ini. – KOSMO! ONLINE